

Masa: 2 jam

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan daripada Bahagian D.

BAHAGIAN A

[25 markah]

- 1 Dalam petikan di bawah ini, terdapat empat kesalahan bahasa. Gariskan empat kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

"The Music Run" yang berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang mendapat sambutan yang menggalakkan bila disertai oleh 20 000 orang peserta "Music Runners" yang berlari dan menari mengikut gerakan muzik kegemaran mereka. Para peserta berlari sambil dihiburkan dengan pelbagai genre-genre muzik. Acara ini merupakan acara larian bukan kompetitif yang menekankan keseronokan dan terbahagi kepada lima zon. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah penganjuran sulung "The Music Run" pada tahun 2014. Sejak itu, acara tersebut telah banyak peserta sertai sepanjang 12 edisi penganjurannya di sembilan buah negara. Peserta berlari sepanjang laluan yang dibarisi dengan lebih daripada 120 pembesar suara yang menyiarkan lagu-lagu hit sepanjang lima zon. Acara bermula pada pukul 3:30 petang dan berakhir dengan Festival Muzik yang dilengkapi dengan pelbagai aktiviti dan hiburan yang menyeronokkan di Perkampungan Muzik.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____
(iv) _____

[8 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Seorang pegawai dari Jabatan Kesihatan dijemput untuk memberikan ceramah kepada murid-murid bersempena dengan pelancaran Kempen Anti-dadah yang dijalankan di sekolah.

- (ii) Sarmila dan rakan-rakannya menyertai kem motivasi di kawasan hutan rekreasi.

- (iii) Kaki tangan kerajaan akan dinaikan gaji pada tahun ini.

[3 markah]